UTM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Name : Nur Afikah Binti Mohd Hayazi

Matrix No : A20EC0220

Section : 78

Course : Philosophy and Current Issues

Assignment : Reflection (WEBINAR DEKOLONISASI)

Webinar Wacana Dekolonisasi

Permulaan proses dekolonisasi sebernanya bermula berlaku di negara yang dijajah. Sebelum bermulanya dekolonisasi kita mempunyai 3 kategori iaitu kolonisasi, dekolonisasi, dan neokolonisasi.Pada peringkat pertama, kolonisasi ini adalah tentang idea dan usaha pihak penjajah memberi ideologi di Barat atas kuasa imperal yang mereka memperoleh.Pihak penjajah mengambil suatu initiatif terhadap slogan "White Man's Burden" mereka ingin memajukan dan memodenkan orang bukan kulit putih.Hal ini, kolonisasi ini adalah suatu gerakan yang menggunakan alat penjajahan serta melakukan usaha untuk mendapatkan hasil sumber asli yang menjadi suatu keperluan industri seperti kapas, bijih timah, dan besi.Selain itu, kolonisasi iaitu suatu usaha untuk mendapatkan keperluan tenaga manusia yang bertujuan untuk menjadi tenaga manusia itu sebagai unsur perhambaan dan sebab pertama untuk mendapat upah pekerja yang murah.Implikasi daripada kolonisasi ini melahirkan mentaliti kolonial negara yang ketinggalan dan tidak maju ingin maju harus ke Eropah.Walau bagaimanapun, kesan kolonisasi menganggap segala perkara yang datang dari Barat semua yang baik dan bagus seperti tiada penolakan.

Setelah mengharungi zaman kolonisasi maka berlaku zaman perubahan ke dekolonisasi iaitu perbuatan pemansuhan kolonisasi dimana mengekalkan kekuasaan sebuah negara yang ditetapkan dan kekalkan menguasai lebih dari satu atau lebih wilayah lain.Dekolonisasi ini berlaku secara dua aspek iaitu rundingan dan peperangan. Antara iktibar yang pernah berlaku di Indonesia, iaitu rundingan Indonesia dimana rakyat tempatan menentang penjajah Belanda tanpa peperangan malah melalui rundingan.Di samping itu, Malaysia pula menentang dari sudut pemikiran iaitu tentangan yang diperjuangkan oleh para agamawan dan nasionalis tempatan bagi mendapat kemerdekaan.Setelah penjajah memberi pandangan, seperti mana negara yang inginkan kemerdekaan negara tersebut harus mempunyai didikan barat seperti Perancis,Belanda,Portugis, dan Sepanyol.Persoalannya apakah yang rakyat hadapi tentang kolonisasi itu setelah negara mereka dijajah.Pertama, penjajah telah merampas segala hasil bumi disebabkan itu rakyat ingin mendapat keadilan penduduk tempatan agar berlaku keadilan kerana sebelum ini zaman kolonisasi rakyat tak berhak untuk mendapat hak asasi serta penjuang merdeka akan mengambil kuasa semula dan berikan kepada penduduk tempatan.Soal ini pejuang merdeka berjaya mengambil kuasa autonomi dan diberikan kepada rakyat serta pembebasan dari segi ekonomi, politik, dan sosial terhadap tanah air.

Dalam dekolonisasi ini juga Malaysia masih lagi terjajah dalam aspek epistemologi dimana kita ingin bebas dari sudut pemikiran dan meletakkan kebenaran.Persoalannya adakah kita masih dekolonisasi dari sudut fikiran setelah 60 tahun merdeka? Secara jujurnya, negara kita, Malaysia juga menggunakan Bahasa Inggeris yang menganggap sebagai Bahasa penjajah malah ia bergantung pada syarat tambah nilai diterapkan, cara berfikir.Sesungguhnya kita boleh menggunakan Bahasa ini dengan baik namun harus tidak terlalu taksub kerana kita harus mengukuhkan Bahasa Melayu , Bahasa Mandarin , dan Bahasa dialek tempatan.Hal ini, penguasaan Bahasa Melayu melambangkan kekuatan jati diri seseorang masyarakat.Jika ada budaya lain yang ingin belajar Bahasa tempatan kita harus tunjuk bahawa indahnya Bahasa Melayu kita.Boleh dilihat soal, pemikiran budaya kita terlalu bercirikan barat sebernanya kita masih mempunyai fikiran sempadan sebabnya ada yang baik dan buruk.Manusia hanya fokus pada kuasa diri manusia bukan pada Tuhan hal ini mencabar fikiran masyarakat setempat.Misalnya, di Malaysia mempunyai sifat kapitalisme perkara ini gagal dimansuhkan kerana ia menjadi suatu pemisah antara masyarakat berharta dengan kurang berharta seperi B40 dan M40.Walau bagaimanapun fikiran kita senang berkembang dengan medium internet yang sedia ada maklumat malah ia satu cabaran untuk kita mengubah implikasi dekolonisasi aspek pemikiran.

Akhir sekali, neokolonisasi ialah gerakan baru yang hadir untuk mengganti penjajahan yang baharu dari segi ekonomi iaitu usaha memberi pekerjaan baharu, ketenteraan, pentadbiran langsung.Globalisasi ini diangkat sebagai membawa negara yang sedang bangun serta pindaan teknologi, dan keselamatan.Hal ini menyebabkan menghantar syarikat multirasional mengenali bentuk perdagangan bebas dan memaksa nilai ekonomi dan dibawa ke negara yang sedang membangun.Seterusnya, penguasaan budaya iaitu budaya makan,hidup, dan bangsa.Setiap budaya ini mempunyai setiap nilai yang berbeza. Di samping itu, bantuan bersyarat dimana berlakunya pengswastaan contohnya Telekom bertukar menjadi Syarikat Telekom Malaysia yang membuka ruang kepada kuasa luar seperti kuasa teknologi dan berkongsi kuasa bersama.Implikasinya, ekonomi kita akhirnya bebas tetapi masih dikonkong dan juga teknologi barat masih terpaling bagus berbanding negara kita.Sebagai merungkap segala penyataan di atas, refleksi yang saya dapat ialah kita sebagai seorang individu harus bersikap pemikiran terbuka dan menerima segala aspek budaya dari segi etnik,fikiran,kepercayaan dan pendidikan.Kita harus mengukuhkan jati diri kita sebagai rakyat Malaysia supaya dapat melambangkan citra Malaysia yang paling indah maka kita dapat dikelilingi dengan masyarakat yang saling bertolenrasi, rajin dan harmoni bersama.